

REXOM™ HYDROCORTISONE NEOMYCIN CREAM

Hydrocortisone Acetate BP/ Neomycin Sulphate BP (0.5% w/w / 0.5% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan REXOM™ Hydrocortisone Neomycin
2. Bagaimana REXOM™ Hydrocortisone Neomycin berfungsi
3. Sebelum menggunakan REXOM™ Hydrocortisone Neomycin
4. Cara menggunakan REXOM™ Hydrocortisone Neomycin
5. Semasa menggunakan REXOM™ Hydrocortisone Neomycin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini

Apakah kegunaan REXOM™ Hydrocortisone Neomycin

Ia digunakan untuk merawat eczema, infantile eczema, atopic dermatitis, dermatitis herpetiformis, contact dermatitis, seborrhoeic dermatitis, neuro-dermatitis, psoriasis dan intertrigo.

Bagaimana REXOM™ Hydrocortisone Neomycin berfungsi

REXOM™ Hydrocortisone Neomycin Cream mengandungi 0.5% w/w Hydrocortisone Acetate dan Neomycin 0.5% w/w yang diserap dengan sistematik.

Hydrocortisone: Penutupan atau penggunaan pada kawasan yang meluas meningkatkan penyerapan dos dalam bentuk topikal. Ia kebanyakannya dimetabolismakan di dalam kulit.

Neomycin: mudah diserap dari kawasan besar yang dibuang, dibakar atau diperkaya dan boleh menyebabkan *nephrotoxicity* dan *ototoxicity* yang sederhana terutamanya jika diberi serentak. Penggunaan antibakteria topikal boleh membawa kepada sensitasi kulit, mengakibatkan tindak balas hipersensitiviti dengan penggunaan topikal atau ubat berikutnya.

Sebelum menggunakan REXOM™ Hydrocortisone Neomycin

Bila tidak boleh mengambil

- Sekiranya anda mempunyai jangkitan tuberkulosis pada kulit, jangkitan fungus, herpes simplex, vaccinia, varicella dan luka yang besar.

-Sebelum mula mengambil

Anda harus maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda:

- beralahan terhadap ubat yang anda pernah ambil untuk merawat keadaan semasa anda.
- Anda hamil, atau sedang cuba untuk hamil atau sedang menyusukan anak.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor dan ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat, termasuk tonik herbal, pelengkap tambahan dan ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan REXOM™ Hydrocortisone Neomycin Cream

Sentiasa menggunakan ubat dengan tepat seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Anda perlu merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti. Tidak boleh mengambil ubat ini melalui mulut. Ubat ini hanya untuk kegunaan topikal sahaja

-Berapa banyak harus digunakan

Sapukan lapisan nipis ke kawasan kulit yang terlibat satu hingga tiga kali sehari. Jika cairan diperlukan, krim yang dicairkan tidak boleh digunakan dua minggu selepas isu.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Ambil REXOM™ Hydrocortisone Neomycin Cream seperti dicadangkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa mengambilnya

- Sekiranya anda lupa satu dos, sapu dos itu dengan segera.
- Tetapi, sekiranya telah hampir masa untuk dos yang

berikutnya, abaikan dos yang terlepas.

- Jangan menggunakan dos berganda untuk menggantikan dos yang dilupakan.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Simptom toksik berkaitan terapi kortikosteroid topikal boleh dibahagikan sama ada secara sistemik atau tempatan. Simptom dinyatakan pada bahagian Kesan -kesan sampingan.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakannya

-Perkara yang perlu dilakukan

Hubungi doktor jika simptom anda bertambah buruk atau tiada perubahan.

Beritahu doktor sekiranya anda hamil semasa menggunakan REXOM™ Hydrocortisone Neomycin.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan REXOM™ Hydrocortisone Neomycin kepada orang lain walaupun simptom mereka seolah-olah serupa ataupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda. Doktor anda telah mempreskripsikan REXOM™ Hydrocortisone Neomycin untuk anda dan keadaan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Kortikosteroid tidak harus digunakan jika terdapat jangkitan.

Penggunaan topikal untuk jangka panjang harus dielakkan terutamanya pada kanak-kanak dan semasa kehamilan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, REXOM™ Hydrocortisone Neomycin boleh juga menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mengalaminya. Kesan

REXOM™ HYDROCORTISONE NEOMYCIN CREAM

Hydrocortisone Acetate BP/ Neomycin Sulphate BP (0.5% w/w / 0.5% w/w)

sampingan berikut mungkin terjadi dengan ubat ini

- penyembuhan luka terjejas
- kulit rapuh nipis
- *petechiae* dan *ecchymoses*
- *erythema* muka
- banyak berpeluh
- boleh menyekat reaksi kepada ujian kulit
- Reaksi hipersensitiviti akibat neomycin termasuk gatal-gatal, ruam, bengkak atau tanda-tanda kerengsaan sebelum terapi.

Seciranya mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda was-was atau untuk maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web <http://npra.moh.gov.my> (Orang Awam Laporan Kesan Sampingan Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI)).

Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Pastikan bekas ditutup rapat. Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada pembekuan, haba dan cahaya.

Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Keterangan Produk

-Rupa dan warna produk

Putih kepada warna putih, licin, krim homogen.

-Bahan-bahan kandungan

• Bahan aktif
Hydrocortisone Acetate BP (0.5% w/w)
Neomycin Sulphate BP (0.5% w/w)

• Bahan tidak aktif
Emulsifying Wax, Liquid Paraffin BP, White Soft Paraffin BP, Methyl Paraben, Propyl Paraben dan Purified Water.

Nombor MAL

MAL19860159AZ

Pengilang dan Pemegang

Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park Phase 4, Lintang Bayan Lepas 1, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini

26/10/2018

Nombor Siri

NPRA(R2/1)221107/972